

SPNB jamin harga rumah kekal

UM 23/07/08 MIS 7

MIRI 22 Jun - Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) memberi jaminan tidak akan menaikkan harga rumah dalam tempoh enam bulan akan datang, meskipun kos bahan binaan terus melambung di pasaran sekarang.

Pengerusinya, Senator Datuk Azian Osman berkata, ia antara komitmen syarikat itu untuk memastikan rakyat di negara ini memiliki rumah sendiri yang berkualiti.

Sebagai sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan katanya, SPNB tidak mengambil sebarang keuntungan daripada setiap projek perumahan yang dimajukan.

"Oleh itu, kita tidak menaikkan harga rumah dalam masa enam bulan ini meskipun harga bahan binaan dan minyak naik di pasaran.

"Kita tidak ambil keuntungan kecuali sedikit untuk menampung kos pentadbiran sahaja," katanya semasa berucap pada majlis pelancaran jualan projek perumahan mampu milik Vista Perdana, di sini, semalam.

Pelancaran projek itu disempurnakan oleh Menteri Perumahan Sarawak, Datuk Seri Abang Johari Tun Openg. Turut hadir Pengarah Urusan SPNB, Datuk Mohd. Amin Mohd. Salleh.

Vista Perdana adalah projek perumahan mampu milik yang ketiga di Sarawak selepas Vista Ilmu di Kota Samarahan dan Vista Wawasan di Jalan Sultan Tengah.

Fasa pertama projek ini membabitkan pembinaan 1,690 unit rumah teres idaman setingkat, 368 unit rumah idaman berkembar setingkat dan 83 unit rumah banglo idaman setingkat.

Beliau berkata, SPNB mensasarkan sebanyak 150,000 unit rumah mampu milik di seluruh negara menjelang tahun 2010.

Selain itu, katanya, SPNB juga komited dalam membangunkan 66 buah projek yang membabitkan 71,561 unit rumah di seluruh negara dengan kos sebanyak RM7.6 bilion.

"Sejumlah 4,258 unit rumah berjaya disiapkan di seluruh negara dengan nilai projek RM212 juta," katanya.